

CNS8875

U GB 23-11 00190 BA030

aab

Parlimen - Ekonomi

KEMAJUAN PERTUMBUHAN SEGI TIGA JOHOR-SINGAPURA-PULAU BATAM MENGGALAKKAN

KUALA LUMPUR, 23 Nov (Bernama) -- Pertumbuhan Segi Tiga Johor - Singapura - Pulau Batam telah membawa kemajuan yang menggalakkan daripada segi nilai pelaburan dari Singapura dan jumlah pekerjaan yang disediakan kepada Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mengikut perangkaan MIDA, pada tahun 1991 sebanyak 76 projek pelaburan oleh Singapura bernilai RM661.7 juta diluluskan dengan memberi peluang pekerjaan kepada 11,995 orang.

Pada tahun lepas, sebanyak 113 projek bernilai RM287.6 juta diluluskan dengan jumlah peluang pekerjaan sebanyak 13,169 manakala pada tempoh Januari sehingga September lepas, sebanyak 60 projek bernilai RM163.8 juta diluluskan dengan 7,818 peluang pekerjaan diwujudkan.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Encik Robert Lau Hoi Chew (Sibu-BN) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Semasa menjawab soalan tambahan Encik Chor Chee Heung (Alor Setar-BN) sama ada Johor mendapat agihan pelaburan yang adil, Dr Mahathir berkata beliau yakin Johor telah mendapat agihan pelaburan yang adil walaupun agak sukar untuk membuat perbandingan yang tepat kerana jumlah pelaburan yang kadang-kala meningkat dan menurun. -- Lagi.

▼23/11/16-15MST

CNS8882

U GB 23-11 00184 BA033

aab

Parlimen - Ekonomi 2 Kuala Lumpur

"Kita tidak perlu kluatir. Kita percaya pada masa depan kita akan mendapat jumlah pelaburan yang lebih," katanya.

Sama ada kerajaan akan menaikkan taraf Pelabuhan Pasir Gudang di Johor, Perdana Menteri berkata pelabuhan itu sedang ditingkatkan tarafnya. Kini satu dermaga tambahan dibuat bagi mengatasi masalah kesesakan.

Di samping itu, kerajaan juga sedang mengkaji untuk mengadakan satu lagi pelabuhan di Johor, di sebelah barat negeri itu kerana pelabuhan yang sedia ada tidak dapat menampung keperluan yang dikehendaki.

Kepada soalan asal mengenai kemajuan dan kemudahan yang disediakan oleh segi tiga ekonomi utara Semenanjung Malaysia-Thailand Selatan-Sumatera Utara, Dr Mahathir berkata, beberapa bidang usahasama dalam bidang pertanian, perikanan, pelombongan, perindustrian serta pembangunan infrastruktur telah dikenal pasti untuk dibangunkan.

Katanya mengikut persetujuan mesyuarat Tiga Hala Indonesia-Malaysia-Thailand (IMTGT) peringkat menteri Julai lepas, dua jawatankuasa telah diwujudkan.

Jawatankuasa itu ialah kumpulan kerja yang terdiri daripada pegawai kerajaan yang akan menyediakan kajian terperinci projek segi tiga utara bagi Bank Pembangunan Asia (ADB). Kajian itu dijangka siap pada Julai tahun depan. -- Lagi.

▼23/11/16-22MST

CN88886

R GB 23-11 00095 BA034

aab

Parlimen - Ekonomi 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Jawatankuasa kedua pula ialah Majlis Bersama Perdagangan IMTGT yang terdiri daripada wakil dewan-dewan perniagaan dari ketiga-tiga negara bagi mempergiatkan dan menyelaraskan aktiviti pihak swasta di kawasan projek itu.

Dr Mahathir berkata setakat ini kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan segi tiga Singapura-Sarawak-Kalimantan, sebaliknya kerajaan sedang menjalankan kajian terhadap cadangan Presiden Filipina, Encik Fidel Ramos mengenai Segi Tiga Timur yang meliputi Mindanao di Selatan Filipina, Sulawesi Utara, Kalimantan Timur dan Barat serta Sabah dan Sarawak. --
Bernama.

HS NMO

▼23/11/16-26MST